



## **RAHBENI MUTAAL**

### **LATAR BELAKANG**

Beliau telah mendapat kelulusan (Final Grade) grade 5 *Associated Board of the Royal Schools of Music (ABRSM)* dari *The Royal School of Music London* dalam bidang Muzik.

Beliau mula menjadi Pemuzik dan Jurulatih Remaja dan Belia di Kompleks Budaya Negara pada tahun 1969 hingga tahun 1983. Seterusnya pada tahun 1976, beliau menjadi Pensyarah Sambilan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam bidang Muzik Tradisional Gamelan bagi subjek Ko-Kurikulum dan beliau turut mengajar Muzik Gamelan, Angklong, dan Caklempong di Fakulti Muzik, dan *Art and Design* sehingga tahun 2005.

Beliau yang dikenali sebagai Pak Rahbeni turut dilantik sebagai Pensyarah Sambilan di Universiti Malaya (UM) dalam mengajar Muzik Tradisional Caklempong sebagai subjek Ko-Kurikulum pada tahun 1979 hingga tahun 2005. Pada tahun 1984 hingga tahun 1986, beliau menjadi Tenaga Pengajar di Yayasan Seni Kuala Lumpur dalam Muzik Melayu Asli. Kemudian, beliau menjadi Pensyarah Muzik *Percussion* di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 1995 hingga tahun 2009 dan beliau turut menjadi Fasilitator Muzik Tradisional Gamelan di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KekWA) pada tahun 2006 hingga 2009. Seterusnya beliau dilantik menjadi Pensyarah Secara Sambilan di Akademi Seni

Kebangsaan (ASK) yang kini dikenali sebagai ASWARA sejak tahun 1994 dan menjadi Adiguru pada tahun 2014 sehingga kini.

Beliau mempunyai kepakaran di dalam mengajar Muzik Tradisional Caklempong, Keroncong, Gamelan Melayu, Ghazal, Angklong dan Muzik Asli. Beliau juga berpengalaman dalam mengajar asas-asas Tarian Kebudayaan Melayu Asli dan Moden seperti Tarian Inanag, Joget, Zapin Asli dan beberapa jenis tarian lagi. Beliau turut mengajar pergendangan Melayu dan Nusantara serta berkebolehan dalam membaik pulih kerosakan dan melaras semula peralatan Muzik Tradisional Malaysia seperti Gamelan, Caklempong, Keroncong, Ghazal dan lain-lain. Pak Rahbeni juga boleh mengajar bermain dan membuat Angklong.

Beliau telah menulis sebuah buku bertajuk Cara-cara Membuat Alat Muzik Tiupan Bangsi, Saluang dan Pupuik Tanduk pada tahun 2003. Beliau turut menulis buku Caklempong terbitan ASWARA yang telah dilancarkan oleh YB Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim pada 12 Julai 2012 di Jelebu, Negeri Sembilan.

Pak Rahbeni turut menjadi hakim dalam Pertandingan Caklempong dan Gamelan seluruh Malaysia, Pertandingan Kompang Sekolah Rendah dan Menengah seluruh Malaysia dan Pertandingan Kerchingan seluruh Malaysia pada tahun 2013. Beliau juga merupakan Fasilitator Jurulatih Seni Budaya Negara (JSBN).

Pada tahun 2018 beliau telah menubuhkan Kelab Seni Muzik Tradisional Caklempong dan Keroncong di Pusat Seni Pentas Tradisional (PuTRA).

## **PENCAPAIAN**

Beliau pernah mengikuti aktiviti Kebudayaan dan Kesenian di luar negara seperti Turki, Thailand, Indonesi, London, Paris, Jerman, Belgium, Jepun, Hong Kong, Taiwan, Vietnam, Laos, Cambodia dan Myanmar. Beliau juga menjadi Pakar Rujuk dan Penyelidikan Muzik Tradisional dan Kebudayaan bagi pelajar di Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).